

23 APR 2001

MAHATHIR-RMK8 (EKONOMI)

EKONOMI MALAYSIA PULIH LEBIH BAIK DARIPADA NEGARA LAIN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua angka tunjuk menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia bukan sahaja telah pulih tetapi pulih lebih baik daripada negara-negara lain yang turut diserang oleh kegawatan kewangan 1997-98.

"Setelah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menguncup sebanyak 7.4 peratus pada tahun 1998, pertumbuhan sebanyak 5.8 peratus dicapai pada tahun 1999 dan 8.5 peratus pada tahun 2000," katanya.

Beliau berkata rizab asing negara telah meningkat daripada AS\$20 bilion (RM76 bilion) pada tahun 1997 kepada AS\$27 (RM102.6 bilion) sekarang.

"Pada akhir tahun 1999 ia meningkat kepada AS\$31 bilion (RM117.8 bilion) tetapi telah menurun sedikit kerana peningkatan import, penghantaran balik keuntungan dan hasil jualan saham, pelaburan di luar negeri oleh firma Malaysia dan kejatuhan nilai Yen dan Euro yang menjadi sebahagian simpanan wang asing kita," katanya.

Pengangguran berada di sekitar tiga peratus dan inflasi adalah rendah, katanya ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata eksport meningkat sehingga lebih daripada RM287 bilion sementara jumlah dagangan meningkat kepada RM515 bilion.

Imbangan bayaran pula memihak kepada Malaysia dan pendapatan per kapita meningkat daripada RM12,160 (1998) kepada RM13,360 (2000).

"Semua angka ini adalah sahih dan bukan ciptaan. Tetapi ada pihak yang sanggup mendakwa kononnya ekonomi Malaysia rosak kerana pendekatan yang digunakan oleh kerajaan Malaysia."

"Dakwaan ini sebenarnya mendedahkan kejahilan parti-parti lawan. Seperti biasa mereka tidak dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Mata mereka dikaburi oleh kepentingan politik mereka. Namun seperti kata pepatah Melayu: "anjing menyalak bukit, bukit tidak akan runtuh", kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata oleh itu kerajaan Barisan Nasional (BN) akan meneruskan pelaksanaan RMK-8 yang menjadi fasa pertama Dasar Wawasan Negara.

"Kita percaya segala-gala yang dirancang dan diramalkan oleh Kerajaan akan menjadi kenyataan dalam jangka masa lima tahun Rancangan Malaysia Kelapan, insya-Allah," katanya.

Menurutnya, rekod kerajaan BN dengan rancangan-rancangan lima tahunnya adalah jelas untuk semua pihak melihat.

"Kita tidak merancang sahaja. Kita telah melaksanakan rancangan kita dengan jayanya. Kita yakin Rancangan Malaysia Kelapan juga akan dilaksanakan dengan jayanya untuk rakyat dan negara Malaysia, insya-Allah," katanya.

Dr Mahathir berkata segala percubaan untuk menghalang pelaksanaan Rancangan ini akan gagal kerana rakyat Malaysia bersama dengan kerajaan untuk mempertahankannya.

Perdana Menteri berkata dalam beberapa dekad yang lepas Malaysia telah membina asas yang kukuh bagi pertumbuhan yang pesat serta mampan dan kekuatan serta ketahanan itu telah diuji berkali-kali apabila faktor-faktor dalaman dan luaran menyebabkan ekonomi negara menjadi lembab.

"Cabaran yang terakhir ialah apabila penyangak matawang telah menekan turun nilai matawang dan Bursa Saham Kuala Lumpur. Tetapi setiap kali kita telah berjaya memulihkan semula ekonomi dan membangunkannya dengan lebih

pesat," katanya.

Menurutnya, serangan ke atas harimau-harimau ekonomi dari Asia Timur telah menyebabkan kegawatan yang teruk berlaku di semua negara ini.

"Kita telah memilih untuk tidak berhutang daripada IMF (Tabung Matawang Antarabangsa) untuk memulihkan ekonomi dan kewangan negara kita.

Walaupun pakar-pakar dunia meramalkan bahawa Malaysia akan jatuh tersungkur kerana kawalan modal yang dilaksanakan olehnya, tetapi hari ini semua mereka, termasuk George Soros terpaksa mengaku bahawa pendekatan Malaysia mampu menyelesaikan kegawatan akibat kejatuhan nilai matawang dan saham," tambahnya. -- BERNAMA

MKO OS